



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SIARAN RADIO SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT
DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI LEMBAH PANTAI**

SAIFUL NUJAIMI ABDUL RAHMAN

FBMK 2001 5

**SIARAN RADIO SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT
DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI LEMBAH PANTAI**

Oleh

SAIFUL NUJAIMI ABDUL RAHMAN

**Tesis ini Disediakan Bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains
di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia**

Jun 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**SIARAN RADIO SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT
DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI LEMBAH PANTAI**

Oleh
SAIFUL NUJAIMI ABDUL RAHMAN
Jun 2001

Pengerusi: Profesor Madya Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Siaran Berita Radio sebagai penyampai maklumat kepada khalayak sudah berakar dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Namun, ledakan teknologi komunikasi yang berlaku pada alaf lepas telah memungkinkan peranan tersebut diambil alih oleh medium komunikasi lain yang jauh lebih canggih seperti Internet. Berpandukan perspektif itu, kajian ini telah dibentuk bagi menjawab beberapa persoalan iaitu (1) sejauh manakah relevannya radio kepada masyarakat Melayu bagi mendapatkan maklumat terkini sedangkan telah wujud pelbagai peralatan canggih yang jauh lebih efisien; (2) apakah persepsi masyarakat Melayu terhadap kerelevan siaran radio dan siaran Berita Radio sebagai saluran penyampai maklumat; (3) apakah tujuan masyarakat Melayu mendengar siaran radio dan siaran Berita Radio; (4) berapa kerapkah radio dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu untuk mendengar siaran Berita Radio?

Objektif umum kajian ialah untuk mengetahui corak pendengaran siaran radio dan siaran Berita Radio masyarakat Melayu Lembah Pantai serta persepsi mereka tentang keberkesanan siaran radio sebagai penyebar maklumat. Andaian kajian dibentuk berdasarkan pelbagai teori yang relevan iaitu Teori penggunaan dan pemuasan dan Teori fungsi-fungsi media, Populasi kajian ialah masyarakat Melayu di Lembah Pantai.

Seramai 400 telah terpilih bagi kajian ini. Sampel itu kemudiannya dibahagi kepada lima kategori pekerjaan: kerajaan, swasta, sendiri, suri rumah, dan pelajar. Kategori-kategori tersebut dibentuk bagi mempastikan pandangan kesemua lapisan masyarakat Melayu di Lembah Pantai terhadap radio diperolehi. Bagi memperolehi data, kajian ini menggunakan “*purposive sampling*” setelah merujuk kepada Jabatan Perangkaan dan Statistik Negara, Kuala Lumpur bagi mendapatkan maklumat terperinci tentang lokasi penduduk Melayu Bangsar dan Pantai Dalam.

Hasil kajian menemui: (1) peningkatan kematangan pendengar komunikasi kontemporari dalam memilih medium yang sesuai dengan situasi kerja bagi mendapatkan maklumat; (2) perancangan program radio perlulah mengikut format pilihan semasa iaitu *infotainment*; dan (3) perlunya kerjasama semua pihak dalam penyebaran maklumat, demi melahirkan masyarakat bermaklumat seiring era dunia tanpa sempadan. Tegasnya, format siaran radio dan siaran Berita Radio perlu sentiasa diolah agar radio sentiasa menjadi medium komunikasi yang relevan sepanjang zaman.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Master of Science

**RADIO BROADCASTING AS A SOURCE OF INFORMATION
AMONG THE MALAYS OF LEMBAH PANTAI**

By

SAIFUL NUJAIMI ABDUL RAHMAN

June 2001

Chairman: Associate Professor Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan

Faculty: Modern Languages and Communication

Radio news as a source of information is nothing new to Malaysian Malay society. However, the rapid expansion of communication technological advancement in the last millennium may cause the functions of radio being replaced by a more advanced device mass medium like the Internet. Based upon the abovementioned perspective, this study had been designed to answer several research questions. The questions are (1) how relevant is the radio for the Malays in getting information when there are far more advanced and efficient devices; (2) what is the Malay perception about the relevancy of radio and Radio News in disseminating information; (3) what is the purpose of radio listening to the Malays; (4) how frequent is the Malays in listening to the radio for news.

The general objective of this study is to determine the pattern of radio and Radio News listening habits among Malays, and their perception towards the relevance of radio broadcasting in disseminating information. The presumptions and hypotheses for this study had been drawn from the shared premises: Uses and gratifications theory and Media functions theory.

A total of 400 samples were gathered for the research. The samples were later divided into five categories of occupation: government staff, private staff, self-employed, housewives, and students. These categories were developed to ensure that every levels of the Malay society of Lembah Pantai contributed their perceptions to this research. *Purposive samplings* were applied to this research after obtaining the population figures from the Jabatan Perangkaan dan Statistik Negara, Kuala Lumpur.

The results showed that (1) the contemporary audience is more intelligent in choosing the medium of information that match with their daily routines; (2) the improvisation of radio programming should be engineered to fit into the choice of the contemporary audience majority - that is infotainment; and (3) there is a need for collaborative effort in disseminating information. In short, both the format of radio programs and Radio News must be reformed in order to keep radio as a medium of communication relevant at all times.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah (s.w.t.) kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, tesis ini dapat disempurna dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada para penyelia tesis ini, Profesor Madya Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan, Dr. Ezhar Tamam dan Encik Muhammad Rosli Selamat yang banyak meluangkan masa dan menyumbangkan buah fikiran sehingga tesis ini menjadi kenyataan. Saya juga berasa amat terhutang budi kepada para pensyarah dan rakan seangkatan, Encik Jusang Bolong, Dr. Saodah Wok, Dr. Narimah Ismail dan Encik Jalili Alias yang sudi membimbang saya dalam menyempurnakan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kesemua 400 responden Melayu di Lembah Pantai, Kuala Lumpur yang telah memberikan kerjasama yang baik untuk kajian ini. Juga kepada Puan Eisah Husin (Pegawai di Jabatan Perangkaan dan Statistik Negara, Kuala Lumpur) dan para pegawai Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia yang telah membantu memberikan data, lokasi dan butiran yang diperlukan sepanjang tesis ini dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada ayahanda Tuan Hj. Abdul Rahman Ibrahim dan bonda Puan Hajjah Roosiah Hj. Mohd Jelas yang banyak mendorong. Kepada kesemua adik-beradik Amir-ul-Azmi, Umran Zahini, Ummi Zulaikha dan Amien Syirwan yang turut memberi dorongan dan galakan. Tidak dipunggirkan kesemua bonda saudaraku, Puan Nor Asiah, Puan Nor Aziah, Puan Che Noran, Puan Shahizan, Puan Norlida dan bapa saudara Encik Mohd. Shuhardi.

Saya juga amat-amat terhutang budi kepada kesemua sahabat, terutamanya Baderul Bahauddin yang memberikan bantuan spiritual dan moral tanpa jemu. Begitu juga Zalina Yahaya, Fairuz Adzahan, Yajit Jamil, Abdul Rahman, Nurul Hisham, Faridul Anwar, Mohd. Fariz, Sheik Amir, Amir Hazree, Mahmud Zuhdi, Abdul Sabir, Khairil Annas, Mohanis Azar, Saharuddin Mushtafa, Samsul, Hussain, Mohd Farzarul, Jefly dan Raja Harizal yang sentiasa membantu ketika diminta.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tulus kepada Allahyarhamah nenda Siti Hajar yang amat saya kasihi. Seluruh kekuatan menyiapkan tesis ini bersandarkan ketabahannya menempuh hidup. Setinggi penghargaan juga untuk kedua Allahyarham datukku Ibrahim Ali dan Tuan Haji Mohd. Jelas Awang Chik. Tidak dilupakan segala dorongan yang diberikan oleh nendaku Puan Hajjah Ramlah Md. Taib. Akhir sekali, setinggi penghargaan diucapkan kepada kesemua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

***“Semoga Allah Melimpahkan Rahmat dan KurniaNya
Kepada Mereka”***

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK.....	ii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	vi
LEMBAR PENGESAHAN.....	viii
PENYATAAN KEASLIAN.....	x
SENARAI JADUAL.....	xiv
SENARAI ISTILAH.....	xvi
BAB	
I PENGENALAN...	1
Media Massa Secara Umum.....	1
Sejarah Awal Radio.....	3
Perkembangan Radio di Malaysia.....	6
Radio Malaysia Kini.....	9
Radio Malaysia dan Persaingannya.....	13
Berita Radio dan Waktu Penyiarannya.....	14
Latar Belakang Pendengar Radio di Lembah Pantai.....	18
Kenyataan Masalah.....	19
Objektif Kajian.....	21
Objektif Am.....	21
Objektif Khusus.....	21
Kepentingan Kajian.....	22
Batasan Kajian.....	23
II SOROTAN LITERATUR.....	24
Kajian Radio Antarabangsa.....	24
Kajian Awal Radio.....	25
Kajian Penyiaran Hiburan Bermaklumat.....	26
Perkembangan Kajian Tempatan dan Penyiaran Hiburan Bermaklumat....	28
Kajian Tempatan Era 1970an.....	28
Kajian Tempatan Era 1980an.....	29
Kajian Tempatan Era 1990an.....	32
Kajian Tempatan Terkini: Penghujung 1990an hingga awal 2000...	33
Teori-Teori Media Berkaitan.....	36
Teori Penggunaan dan Pemuasan.....	36
Teori Fungsi-Fungsi Media.....	38
Fungsi Pengawasan.....	38
Fungsi Pentafsir.....	39
Fungsi Penghubung.....	40
Fungsi Hiburan.....	41

III	METODOLOGI KAJIAN.....	43
	Lokasi Kajian.....	43
	Persampelan dan Responden Kajian.....	44
	Peralatan Kajian.....	47
	Bahagian Pertama.....	48
	Bahagian Kedua.....	49
	Definisi Operasional.....	50
	Pembolehubah Bebas.....	50
	Pembolehubah Bergantung.....	51
	Pengujian Soal Selidik.....	52
	Pengumpulan Data.....	53
	Penganalisaan Data.....	55
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....	57
	Ciri-Ciri Demografi Responden.....	57
	Pergantungan Responden Terhadap Radio Berbanding Medium	
	Komunikasi Lain Bagi Mendapatkan Maklumat.....	60
	Pergantungan Umum Responden Bangsar dan Pantai Dalam	
	Terhadap Radio.....	61
	Anggaran Purata Peratusan Tertinggi Lima Peristiwa Tersenarai...	63
	Corak Pergantungan Keseluruhan Responden Terhadap Radio.....	65
	Siaran Radio Paling Sering Diikuti Responden.....	66
	Format Rancangan Diminati Melalui Stesen Pilihan Responden...	66
	Stesen Radio Pilihan Responden.....	68
	Bentuk Rancangan Pilihan Responden.....	70
	Anggaran Masa Responden Mendengar Radio Dalam Seminggu...	71
	Waktu Mendengar Pilihan Responden.....	72
	Persepsi Masyarakat Melayu Bangsar Berbanding Pantai Dalam Terhadap	
	Kerelevan Siaran Radio Sebagai Saluran Penyampai Maklumat.....	74
	Persepsi Keseluruhan Responden Terhadap Kenyataan Positif....	74
	Persepsi Keseluruhan Responden Terhadap Kenyataan Negatif....	77
	Persepsi Umum Terhadap Siaran Berita Radio.....	80
	Kelebihan Siaran Berita Radio.....	81
	Kelemahan dan Kekurangan Siaran Berita Radio.....	82
	Cadangan Memperbaiki Kelemahan Siaran Berita Radio.....	85
	Tujuan Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Mendengar	
	Siaran Radio dan Siaran Berita Radio.....	86
	Tujuan Utama Responden Mendengar Siaran Radio.....	87
	Kekerapan Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam	
	Menggunakan Radio Untuk Mendengar Siaran Berita Radio.....	89
	Corak Pendengaran Berita Radio Pada Waktu Pagi.....	89
	Corak Pendengaran Berita Radio Pada Waktu Tengahari,	
	Petang dan Malam.....	91

V RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	94
Ringkasan.....	94
Kenyataan Masalah.....	94
Objektif Kajian.....	96
Metodologi Kajian.....	97
Persampelan Kajian.....	99
Hasil Kajian.....	100
Latar Belakang Responden.....	100
Stesen Radio Pilihan Responden.....	101
Kelemahan dan Kekurangan Siaran Berita Radio.....	102
Tujuan Utama Responden Mendengar Radio.....	103
Kekerapan Penggunaan Radio.....	104
Kesimpulan.....	104
Peningkatan Kematangan Pendengar Komunikasi Semasa.....	105
Perancangan Program Mengikut Format Pilihan Semasa.....	106
Perlunya Kerjasama Semua Pihak Dalam Penyebaran Maklumat...	107
Cadangan Kajian.....	108
Cadangan Kajian Lanjutan.....	110
RUJUKAN.....	111
LAMPIRAN	
L1- Soal Selidik.....	115
L2- Tables of Methodologies for Entertainment-Education Interventions...	121
L3- Jadual Bagi Menentukan Saiz Sampel daripada Populasi Kajian.....	122
BIODATA PENULIS.....	123

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Jumlah Pendengar Radio Seminggu Bagi Stesen Radio di Semenanjung Malaysia Tahun 2000 Mengikut Sambutan Khalayak.....	10
2 Jumlah Pendengar Radio Seminggu Bagi Stesen Negeri RTM di Semenanjung Malaysia Tahun 2000 Mengikut Sambutan Khalayak.....	12
3 Waktu-Waktu Siaran Berita Radio Dalam Bahasa Melayu.....	15
4 Peruntukan Waktu Penyiaran Radio Seminggu di Stesen-Stesen RTM Berdasarkan Program-Program yang Ke Udara.....	34
5 Pembolehubah dan Pengukurannya.....	51
6 Perbandingan Angkubah Demografi Antara Dua Kawasan.....	55
7 Taburan Responden Dari Segi Demografi.....	58
8 Perbandingan Pergantungan Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Terhadap Radio Berbanding Medium Komunikasi Lain Bagi Mendapatkan Maklumat Tentang Lima Peristiwa Tersenarai.....	62
9 Format Rancangan Diminati Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Melalui Stesen Pilihan.....	67
10 Taburan Stesen Radio Pilihan Yang Sering Diikuti Siarannya Oleh Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam.....	69
11 Taburan Bentuk Rancangan Yang Paling Sering Diikuti Responden Melalui Stesen Pilihan.....	71
12 Anggaran Masa Responden Mendengar Radio Dalam Seminggu Bagi Mengikuti Rancangan di Stesen Pilihan Mereka.....	72
13 Taburan Waktu Mendengar Pilihan Responden Untuk Mengikuti Rancangan-Rancangan di Stesen Pilihan Mereka.....	73

14 Persepsi Keseluruhan Responden Terhadap Kenyataan Positif Berhubung Siaran Berita Radio.....	75
15 Persepsi Keseluruhan Responden Terhadap Kenyataan Negatif Berhubung Siaran Berita Radio.....	79
16 Persepsi Keseluruhan Responden Terhadap Kelebihan Siaran Berita Radio.....	81
17 Persepsi Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Terhadap Kelemahan dan Kekurangan Siaran Berita Radio	83
18 Cadangan Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Bagi Memperbaiki Kelemahan Siaran Berita Radio.....	85
19 Taburan Tujuan Utama Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam Mendengar Siaran Radio.....	87
20 Corak Pendengaran Berita Radio Pada Waktu Pagi.....	90
21 Corak Pendengaran Berita Radio Pada Waktu Tengahari, Petang dan Malam....	91
22 Corak Keseluruhan Pendengaran Berita Radio di Kalangan Masyarakat Melayu Bangsar dan Pantai Dalam.....	93

SENARAI ISTILAH

dk	- darjah kebebasan (pada analisis statistik)
ITP	- <i>Interpersonal</i> atau <i>Komunikasi Bersemuka</i>
LRT	- <i>Light Railway Transit / Sistem Transit Aliran Ringan</i>
N/n	- Jumlah
Ph.D	- <i>Doctor of Philosophy</i> atau Doktor Falsafah
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
SPM	- <i>Sijil Pelajaran Malaysia</i>
SPSS	- <i>Statistical Package for Social Science</i>
SRM	- <i>Survey Research Malaysia</i>
SRP	- <i>Sijil Rendah Pelajaran</i>
STMB	- Sistem Televisyen Malaysia Berhad
STPM	- <i>Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia</i>
SUKOM '98	- Sukan Komanwel 1998
TPM	- Timbalan Perdana Menteri

BAB I

PENGENALAN

Bab ini bermula dengan membincangkan media massa secara umum dan sejarah awal radio. Kemudian topik perbincangan menyorot kepada perkembangan radio di Malaysia dan senario radio Malaysia kini sebelum topik radio Malaysia dan persiangannya diketengahkan. Dalam bab ini, Berita Radio dan waktu penyiarannya turut dibincangkan. Seterusnya, perbincangan berfokus pula kepada latar belakang pendengar radio Lembah Pantai yang menjurus kepada perbincangan kenyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

Media Massa Secara Umum

Media massa hari ini lebih merupakan satu keperluan komunikasi sesebuah negara berbanding sejarah awal medium ini yang menjadi alat untuk bermewah-mewah di kalangan elitis. Media massa secara amnya memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat berintelek dan berakhlik mulia. Media massa dapat definisikan sebagai “alat perhubungan” dan terbahagi dua iaitu media cetak dan media elektronik. Surat khabar dan majalah digolongkan di bawah media cetak, sementara media elektronik terdiri daripada radio, televisyen dan teknologi baru komunikasi (Asiah Sarji, 1991). Kedua-dua media, media elektronik mahupun media cetak, mempunyai fungsi yang hampir sama. Tugas kedua-duanya ialah

sebagai penyampai berita dalam dan luar negeri, pengkaji tindakan kerajaan, pemupuk perpaduan, menjadi pemerhati, penyebar fikiran rakyat, pendidik dan penggalak rakyat agar memberi tumpuan kepada isu nasional (Asiah Sarji, 1991).

Walau bagaimanapun, masih terdapat perbezaan antara kedua-dua media ini. Televisyen terutamanya mempunyai kesan yang mendalam kepada penonton. Radio pula berkelebihan dari segi kemampuan siarannya yang melewati batas geografi melebihi media massa lain. Justeru itu, radio mempunyai penonton yang jauh lebih ramai berbanding mana-mana media massa. Oleh itu pihak-pihak yang terbabit perlu mengkaji semula rancangan-rancangan yang hendak disiarkan supaya tidak menimbulkan gejala-gejala yang kurang sihat kepada golongan-golongan tertentu. Ini kerana, media massa sebagai medium penyampai maklumat mampu berperanan menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal dan Rogers, 1999).

Ledakan teknologi maklumat yang bermula seawal dekad lapan puluhan telah memberi impak yang kekal, ketara dan berterusan kepada seluruh ahli sesebuah masyarakat. Fenomena ini dimangkinkan lagi dengan kemunculan pelbagai medium komunikasi terkini pada dekad-dekad menjelang alaf baru. Sekaligus, ia telah mewujudkan cabaran kepada keupayaan siaran radio kontemporari dalam melaksanakan peranan mereka menyediakan saluran komunikasi yang lebih efisien dan canggih. Justeru, keberkesanan dan keperluan terhadap radio sebagai medium komunikasi perlu dikaji semula.

Sejarah Awal Radio

Radio telah dicipta oleh saintis terkemuka Guglielmo Marconi dalam tahun 1895. Sejak itu, perkembangannya sangat pesat khususnya pada tahun 1920an di kota-kota besar seperti di Detroit dan Pittsburg, Amerika Syarikat. Pelbagai stesen radio telah ditubuhkan persis cendawan yang tumbuh selepas hujan. Pertumbuhan pesat tersebut menunjukkan peranan dan fungsi radio yang semakin berkembang sebagai medium komunikasi antara masyarakat meskipun telah menempuh beberapa evolusi sepanjang kewujudannya (Shannon dan Weaver, 1949). Serentak dengan kemunculan radio sebagai medium komunikasi, pelbagai model komunikasi telah dikemukakan oleh para ahli komunikasi bagi menerangkan bagaimana radio berfungsi dalam masyarakat. Namun, model yang terkenal dan terawal ialah *Teori Matematik Komunikasi* yang dikemukakan oleh Shannon dan Weaver (1949). Model Shannon dan Weaver itu menerangkan radio sebagai medium komunikasi elektronik dengan merujuk kepada lima elemen utama iaitu *punca, pemancar, isyarat, alat penerima dan destinasi* (Shannon dan Weaver, 1949).

Bertitik tolak daripada model yang dikemukakan oleh dua orang itulah bermulanya era baru penciptaan beberapa model dan teori komunikasi oleh pengkaji komunikasi seluruh dunia. Biar apapun model yang dikemukakan, peranan radio sebagai medium yang memudahkan interaksi antara khalayak dalam kelompok yang ramai terbukti penting. Seiring dengan perkembangan sejarah dunia juga, peranan

radio turut mengalami evolusi yang tersendiri. Bermula daripada fungsinya sebagai medium interaksi dan komunikasi antara masyarakat, radio turut berperanan memberi hiburan dan maklumat kepada masyarakat umum terutamanya pada waktu manusia berhadapan dengan pelbagai bencana seperti kegawatan politik, ekonomi dan bencana alam.

Seterusnya, Paulu (1974) menggariskan pula fungsi radio yang berkembang menjadi medium utama menyampaikan maklumat jarak jauh selain sebagai alat propaganda. Fungsi tersebut lahir seiring dengan perubahan politik dunia dan ledakan teknologi terkini. Beliau memperkuuhkan dakwaan itu dengan merujuk kepada satu surat bertarikh 19 Mei 1932 yang telah dihantar oleh Presiden Russia, Lenin, kepada pembantunya Stalin. Lenin menyifatkan radio sebagai ciptaan yang sangat praktikal untuk melakukan propaganda, menghasut dan mendidik orang ramai melalui penyaluran suara manusia dari jarak jauh (Paulu, 1974).

Selain peranan radio sebagai medium propaganda, ia juga berperanan mewujud dan memangkinkan perubahan dalam masyarakat melalui penyaluran maklumat yang relevan. Schramm (1964) menegaskan bahawa salah satu saluran terbaik untuk mendedahkan maklumat kepada masyarakat ialah melalui radio. Hakikat ini diperakui pelbagai kerajaan, ahli politik, mahupun ahli akademik di seluruh dunia. Radio merupakan salah satu agen perubahan yang berjaya dan paling efisien dalam mengubah sikap, menanam semangat perpaduan dan menyalurkan segala bentuk pendidikan kepada masyarakat melalui kempen-kempen. Tegasnya,

radio digunakan sebagai medium utama dalam membangunkan sosial, mengembangkan ekonomi, membentuk pemikiran masyarakat dan mengubah pendapat mereka mengenai politik - khususnya bagi masyarakat luar bandar (Maesseneer, 1986).

Bertitik tolak dari situlah, maka peranan radio semakin relevan sebagai media pembantu pembangunan sosial dalam masyarakat (Salleh dan Saiful, 2000). Radio dianggap sebagai pemangkin utama dalam usaha membawa perubahan politik, ekonomi, dan sosial sesebuah masyarakat. Hakikat ini dipamerkan secara jelas melalui rentetan sejarah penyelesaian pelbagai konflik negara oleh para pemimpin dunia, khususnya para pemimpin negara-negara dunia ketiga melalui radio (Singhal dan Rogers, 1999).

Kenyataan ini turut dihuraikan oleh Katz dan Wedel (1978). Mereka menegaskan bahawa pemimpin negara dunia ketiga telah menggunakan radio sebagai alat untuk membantu menyelesaikan masalah politik, ekonomi dan sosial (Katz dan Wedel). Maesseneer (1986) juga turut mengulas kenyataan tersebut dengan menyifatkan radio akan terus menjadi alat komunikasi massa yang paling penting kepada kebanyakan negara Asia-Pasifik. Barangkali sifat radio yang mudah alih, senang dibawa, murah dan mudah dimiliki menjadikan radio sebagai medium komunikasi utama dalam penyaluran berita dan maklumat kepada masyarakat. Ini dibantu oleh keupayaan siaran radio menyebarkan berita dengan pantas, tidak memerlukan bekalan elektrik yang tinggi (memadai dengan beberapa biji bateri

sahaja), dan ketelusan mesejnya kepada kesemua ahli masyarakat-termasuk golongan buta huruf (Maesseneer, 1986).

Selain itu, maklumat yang disebarluaskan melalui radio juga mampu menerobos pelbagai halangan komunikasi yang dihadapi oleh pelbagai medium komunikasi lain seperti masalah lokasi, penguasaan teknologi terkini, dan lain-lain masalah fizikal masyarakat –pendengar yang cacat penglihatan sekalipun, misalnya, masih boleh menerima dan memanfaatkan siaran radio dan siaran Berita Radio.

Perkembangan Radio di Malaysia

Sejarah kewujudan radio di Malaysia bermula seawal negara masih dikenali sebagai Tanah Melayu. Radio julung kalinya diperkenalkan di Johor Bahru pada 1921 oleh Ketua Jurutera Elektrik pada ketika itu, A.L. Birch. Siaran radio ketika itu dipancarkan kepada khalayak daripada alat pemancar yang terdapat di kapal yang berlabuh di dermaga. Siaran tersebut kemudiannya diterima oleh sebuah stesen pemancar yang di bina di darat yang terletak berhampiran. Fungsi radio dikembangkan lagi pada tahun 1923 melalui percubaan beberapa ahli '*Johore Wireless Society*' dengan menyalurkan lagu-lagu hiburan dan maklumat tempatan kepada ahli-ahlinya melalui gelombang sederhana (Mehra, 1989).

Bagaimanapun urusan penyiaran radio di Tanah Melayu secara lebih profesional bermula pada tahun 1937 melalui penubuhan Jabatan Penyiaran di

Singapura. Sembilan tahun kemudian, iaitu pada 1955, pancaran siaran radio ke seluruh negara bermula dengan menyiarkan ‘siaran darurat’ dan ‘siaran luar bandar’ dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Peranan radio pada peringkat awal hanyalah sebagai alat propaganda anti komunis. Namun fungsi siaran radio kemudiannya diperkembangkan lagi - siaran radio menjadi wadah dalam menyalurkan rancangan pembangunan kerajaan untuk masyarakat (Adhikarya, 1977).

Peranan dan bentuk penyiaran radio seterusnya berkembang dengan membentuk beberapa rangkaian. Ini selari dengan hasrat pemerintah yang ingin mengukuhkan polisi pemerintahan agar dapat difahami dan diterima oleh masyarakat. Peranan yang dimainkan oleh radio ini telah dijelaskan oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Haji Abdul Razak Hussein (1973). Menurut beliau, siaran radio amat berperanan dalam mendekatkan masyarakat, khususnya masyarakat pedalaman, dengan kemajuan dan pembangunan semasa pada ketika pelbagai media massa yang lain, misalnya akhbar, lambat sampai atau tidak sampai langsung kepada mereka (Abdul Razak Hussein, 1973).

Seiring itu, pelbagai perubahan yang dilalui radio seawal dekad 1960an telah mendorong kepada penubuhan stesen-stesen radio daerah. Langkah ini telah memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mendapat maklumat dengan lebih mendalam. Siaran Rangkaian Nasional (kini dikenali sebagai Radio 1)

diwujudkan dengan konsep ‘Siaran Kebangsaan’ yang sebelum ini hanya menyajikan maklumat secara umum sahaja kepada pendengarnya.

Kini kesemua negeri di Malaysia telah memiliki stesen radio sendiri di bawah pengawasan Jabatan Penyiaran Malaysia. Stesen-stesen radio tersebut dikenali sebagai stesen Radio 3 mengikut nama ibu negeri masing-masing: Radio 3 Shah Alam, Radio 3 Kuantan, Radio 3 Ipoh dan lain-lain lagi. Nama stesen tersebut kemudiannya telah dikomersilkan mengikut perubahan semasa – misalnya Stesen Radio 3 Kuala Lumpur (R3KL) diubah menjadi Radio 3 Ibukota (R3IK) dan kemudiannya Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL). Namun, objektif setiap stesen itu masih sama – misalnya Radio 1 tetap menampilkan konsep ‘Siaran Kebangsaan’ sehingga kini (Kementerian Penerangan Malaysia, 1999).

Pemanfaatan siaran radio secara optimum bagi tujuan penyebaran maklumat kepada umum juga amat ketara dalam dua aspek. Aspek pertama ialah penubuhan rangkaian-rangkaian radio yang diasaskan mengikut bahasa suku kaum-kaum utama Malaysia – Melayu, Cina dan India. Stesen-stesen berikut, misalnya menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan mereka. Antaranya ialah Stesen Radio 1, Stesen Radio 2 dan Stesen Radio 3. Manakala Stesen Radio 4 pula menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan. Seterusnya, Stesen Radio 5 memanfaatkan Bahasa Mandarin, dan Stesen Radio 6 pula menggunakan Bahasa Tamil. Stesen Radio 7 pula diwujudkan khusus untuk masyarakat orang asli. Selain itu, Malaysia turut menyediakan perkhidmatan Suara Malaysia ke luar negera dalam